

LAWATAN PEMANTAUAN PENGURUSAN REKOD MRS SABAK BERNAM

SABAK BERNAM, 24 April 2024 – Satu Lawatan Khidmat Nasihat dan Pemantauan Pengurusan Rekod telah diadakan di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Sabak Bernam bagi memastikan pengurusan rekod sentiasa kemas, teratur dan mematuhi piawaian Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS).

Lawatan ini diketuai oleh En. Sofian bin Ibrahim (PRJ) bersama Puan Nuraziraakmar binti Othman (PTRJ) dengan penglibatan pegawai dan kakitangan MRS Sabak Bernam.

Hasil pemeriksaan mendapati rekod fail urusan am dan fungsian berada dalam keadaan baik, kertas minit dikemaskini, serta susunan fail mengikut kesesuaian lokasi bilik fail. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa fail tidak aktif yang disimpan secara terbalik di dalam kotak dan memerlukan pembetulan segera.

Bagi rekod untuk penjilidan, sejumlah 134 folder kes Mal (1993–2012) dan 39 folder kes Jenayah (1989–2016) telah diasingkan dan disediakan mengikut format yang ditetapkan. Semua folder disusun kemas di rak dan dilabelkan dengan senarai kandungan pada kulit depan.

Bilik rekod turut diurus dengan teratur, mempunyai ruang mencukupi untuk simpanan jangka panjang, dan fail aktif dilabel lengkap bagi memudahkan pencarian. Dari aspek pelupusan, pada tahun 2023 sebanyak 1,241 fail Mal dan 371 fail Sulh telah dilupuskan, manakala bagi tahun 2024 proses mengenal pasti fail untuk pelupusan sedang dijalankan termasuk bahan terbitan yang mengandungi ayat al-Quran.

Cadangan penambahbaikan yang dikemukakan termasuk mengemaskini senarai pada kulit depan folder secara berkala, melaksanakan penjilidan mengikut tahun dan turutan abjad Plaintiff, serta tidak menyertakan kulit fail bagi rekod penjilidan seperti disyorkan dalam Tatacara Penjilidan oleh JKSM.





